

Kolaborasi Industri - Akademia Jalin Hubungan Baik



Kuantan, 6 Ogos- Dalam usaha menjalinkan hubungan baik dengan pengamal industri di negeri ini, Bahagian Jaringan Industri dan Kemasyarakatan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Forum Industry Academia Collaborative (IACF) 2015 yang berlangsung di Dewan Astaka UMP Gambang baru-baru ini.

Penyertaan membabitkan 26 wakil industri terlibat antaranya adalah BASF Petronas, Cargill Palm Products Sdn.Bhd, Hicom Automotive Manufacturers (M) Sdn Bhd dan Vacuumschmelze (M) Sdn. Bhd memberikan penanda aras yang positif dalam mendapatkan semangat kolaborasi di antara pihak UMP dengan pihak industri.

"IACF 2015 merupakan kesinambungan daripada CEO Roundtable Meeting yang diadakan pada tahun lepas. Universiti ini akan terus berperanan dalam membina hubungan baik dan mempergiatkan program termasuk berkongsi kepakaran dalam usaha menangani permasalahan di industri," kata Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.



Ujar beliau, UMP mempunyai tenaga kepakaran dalam kalangan ahli akademik yang boleh dimanfaatkan oleh pihak industri terutamanya dalam menawarkan khidmat nasihat, kursus pendek, latihan dan menjalankan penyelidikan bersama.

Selain itu, kedudukan UMP terutamanya di Pekan merupakan lokasi yang strategik kerana berhampiran dengan kawasan hub perindustrian automotif membabitkan nama besar dalam industri automotif negara seperti DRB Hicom, Mercedes Benz, Suzuki, Volkswagen, Isuzu dan DRB-HICOM Defence Technologies Sdn Bhd (DEFTECH).



Dalam masa yang sama turut dibincangkan adalah program PhD Industri dalam menarik lebih minat dalam kalangan tenaga kerja dalam industri untuk menyambung pengajian dalam bidang yang mereka ceburi di universiti ini.

Sementara itu, Pengarah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (CARIFF), Profesor Madya Dr Hayder A.Abdul Bari turut memberikan pencerahan mengenai kajian penyelidikan dan kemudahan yang terdapat di universiti ini bagi membantu pihak industri.

Lebih 60 orang hadir dalam majlis. Turut sama hadir Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Professor Dato' Dr Rosli Mohd Yunus, Pengarah BJIM, Professor Dr. Zulkefli Yaacob dan Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie.



Disediakan Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 25-08-2015, 13:43:19